



SCHOOL OF EDUCATION,  
FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND HUMANITIES  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA 81310 UTM JOHOR

BAHRU, JOHOR MALAYSIA

SHPP1022- 01

(TEACHER PROFESIONALISM)

TUGASAN LAPORAN:

LAPORAN TEMUBUAL KUMPULAN BERDASARKAN TAJUK: GURU EFEKTIF DAN  
PROFESIONAL

NAMA	ID PELAJAR	SEKSYEN
Anith Raudhah Binti Abd Aziz	(A20HP0028)	01
Amirah Binti Mohd Zakuan	(A20HP0022)	01
Norshalin Binti Samat	(A20HP0155)	01
Muhammad Syazwan Bin Mat Sidik	(A20HP0135)	01
Mohamad Haikal Bin Sadri	(A20HP0078)	01

LECTURER'S NAME:

**DR ROHAYA TALIB**

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, kami ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Tuhan. Dengan izin dan rahmatnya dapat kami menjayakan Tugas 2 bagi subjek SHPP 1022-01 Profesionalism Guru dengan baik mengikut jangka masa dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

Kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Rohaya Binti Talib selaku pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah menjalankan tanggungjawabnya menyampaikan kuliah SHPP 1022-01 Profesionalism Guru dengan sempurna. Terima kasih di atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan penerangan yang lengkap sepanjang kami menjayakan tugas ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Puan Wong Cheui Keen selaku Guru Penolong Kanan di SMK Infant Jesus Convent, Johor Bharu yang telah sudi meluangkan masa di temubual oleh pihak kami dan berkongsi maklumat dan input sebagai Guru Penolong Kanan berkaitan pelajar-pelajar masa kini. Ia merupakan satu kehormatan besar bagi kami kerana beliau merupakan guru berpengalaman yang telah berada dalam bidang perguruan selama 26 tahun dan telah berkhidmat di 5 buah sekolah sepanjang karier beliau. Selain berkhidmat sebagai Guru Penolong Kanan, beliau juga merupakan guru akademik, setiausaha sukan dan Penolong Kanan Kokurikulum.

Tidak lupa juga kepada ahli-ahli kumpulan 6 yang telah menjalankan tanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing sepanjang menyiapkan tugas 2 ini. Terima kasih kerana telah berkongsi idea dan memberi kerjasama dalam menyiapkan bahagian masing-masing.

Akhir sekali, besar harapan kami agar tugas yang telah disiapkan ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan memberi manfaat kepada individu lain dalam pelbagai bentuk. Selaku bakal guru, menyampaikan ilmu dan berkongsi maklumat merupakan peranan dan matlamat utama kami bukan sahaja kerana memenuhi tanggungjawab akan tetapi agar dapat melahirkan bangsa yang mempunyai intelek tinggi dan ia juga bermanfaat kepada masyarakat.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>1. Trend karakter pelajar dalam sistem arus perdana pada masa kini</b>	<b>3</b>
<b>2. Kaedah mewujudkan iklim pembelajaran efektif dalam bilik darjah</b>	<b>3</b>
<b>3. Cabaran dan isu dalam pengurusan disiplin bilik darjah</b>	<b>4</b>
<b>4. Isu pelaksanaan kurikulum KSSR/KSSM dari aspek;</b>	<b>4</b>
• Kompetensi Guru	4
• Infrastruktur dan Infostruktur	4
• Kewangan dan Polisi KPM	5
<b>5. Refleksi</b>	<b>6</b>
• Anith Raudhah Binti Abd Aziz	6
• Amirah Binti Mohd Zakuan	7
• Norshalin Binti Samat	8
• Muhammad Syazwan Bin Mat Sidik	9
• Mohamad Haikal Bin Sadri	11
<b>6. Kesimpulan</b>	<b>12</b>
<b>7. Rujukan dan Lampiran</b>	<b>13</b>

## **1. Trend karakter pelajar dalam sistem arus perdana pada masa kini**

Dalam temubual yang telah kami lakukan bersama Puan Wong Cheui Keen, kami telah mendapatkan pelbagai maklumat mengenai trend karakter pelajar dalam sistem arus perdana pada masa ini. Beliau menyatakan bahawa dengan arus pemodenan yang pesat dan semakin canggih, para pelajar memerlukan motivasi dan disiplin yang tinggi terutama untuk menangani dunia VUCA. Oleh itu, para guru, pendidik dan pemimpin pendidikan diminta untuk bersiap sedia menghadapi cabaran-cabaran Kemeruapan/Ketidakstabilan (Volatility), Ketidakpastian (Uncertainty), Kerumitan (Complexity) dan Kekaburan/Kesamaan (Ambiguity) di dunia mencabar ini. Menurut Puan Wong juga, VUCA ini prihatin dengan bagaimana seseorang melihat keadaan ketika membuat keputusan, merancang, mengurus risiko, mendorong perubahan dan menyelesaikan masalah. Oleh itu, VUCA dianggap dapat meningkatkan kemampuan pelajar-pelajar dalam menghadapi perubahan dinamik dalam dunia yang bergerak pantas, terutama pada era transformasi digital seperti sekarang ini. Dalam pada itu juga, cara pembelajaran mereka amat bergantung kepada kreativiti guru kerana Pelaksanaan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) dikendalikan secara maya dan susah untuk mengawal gerak geri pelajar melalui layar komputer. Selain itu, pelbagai alatan moden dan teknologi seperti internet dan telefon pintar yang membentuk diri pelajar menjadi celik IT. Hal ini kerana faktor bahawa pelajar-pelajar pada zaman ini merupakan golongan daripada generasi Z, di mana mereka lebih terdedah kepada peralatan canggih dan dunia digital. Selain itu, beliau juga berkongsi tentang kemahiran para pelajar dalam penggunaan peranti-peranti elektronik seperti Chromebook, dan projektor. Hal ini telah memudahkan guru-guru bagi menjalankan proses pembelajaran dan pencarian maklumat di dalam kelas. Dalam pada masa yang sama juga, mereka ini boleh dikategorikan sebagai kumpulan anak-anak muda yang lebih mengenali penggunaan gadget-gadget berbanding dengan guru-guru di sekolah.

## **2. Kaedah mewujudkan iklim pembelajaran efektif dalam bilik darjah**

Berdasarkan penerangan Puan Wong Cheui Keen, bilik darjah merupakan lokasi dan ruang di mana sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan, termasuk bengkel, dan makmal. Untuk mewujudkan iklim pembelajaran efektif dalam bilik darjah ini, guru-guru mestilah mengutamakan elemen kebersihan, kesihatan, dan keselamatan dalam pengurusan bilik darjah ini bagi memastikan murid-murid sentiasa dalam keadaan selesa. Kaedah seterusnya ialah dengan memahami pengetahuan dan kefahaman sosiologi pendidikan yang membolehkan guru-guru untuk mengetahui latar belakang dan persekitaran murid terhadap pembelajaran. Pengetahuan dan kefahaman ini akan membantu guru mewujudkan suasana bilik darjah yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran. Puan Wong juga menekankan bahawa pengurusan bilik darjah yang baik mencerminkan keberkesanan guru. Hal ini kerana, pengurusan bilik darjah melibatkan pengurusan hubungan kemanusiaan, masa, ruang dan sumber untuk mencapai pembelajaran yang bermakna dan berkesan. Dalam pada itu, Puan Wong juga berkongsi standard yang guru perlu mencapai untuk membina bilik darjah yang efektif yang digariskan di dalam Standard Guru Malaysia

- Melaksanakan peraturan bilik darjah yang sistematik agar disiplin murid dapat dikawal,
- Mengurus disiplin murid untuk mewujudkan tingkah laku yang positif
- Membina persekitaran bilik darjah yang bersih, pencahayaan yang mencukupi, selesa, ceria, dan selamat
- Menyusun atur bahan sumber pembelajaran dengan kemas
- Menyediakan bahan sumber, media dan teknologi yang mudah diakses oleh murid, dan
- Mengenal pasti bahan sumber di luar bilik darjah atau sekolah yang dapat membantu pembelajaran.

Menurut Popham dan Baker (1992), proses pembelajaran yang efektif terjadi jika guru mampu mengubah kemampuan dan persepsi pelajar. Melalui temubual yang dijalankan, Puan Wong Cheui Keen mengatakan bahawa kaedah yang terbaik dalam mewujudkan iklim pembelajaran efektif dalam bilik darjah adalah guru perlu mahir mengawal kelas dan sentiasa menggunakan pendekatan mengajar yang kreatif supaya dapat menarik minat belajar.

### **3. Cabaran dan isu dalam pengurusan disiplin bilik darjah**

Melalui temubual yang telah dijalankan bersama Puan Wong Cheui Keen, kami telah bertanyakan mengenai cabaran dan isu yang dihadapi oleh para guru dalam pengurusan disiplin bilik darjah. Puan Wong memberitahu bahawa sebagai seorang guru, isu dan cabaran yang selalu dilalui ialah kemahiran guru tersebut dalam mengawal kelas mereka. Guru perlu mempunyai kemahiran dan cara yang tersendiri dalam menguruskan bilik darjah masing-masing. Hal ini kerana setiap guru mempunyai cara yang berbeza untuk memastikan suasana bilik darjah yang diajar oleh mereka. Selain itu, pendekatan pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) yang kurang dapat menarik perhatian para guru. Jika berlakunya perkara sebegini, para pelajar akan menjadi kurang faham akan kandungan PDPC yang diajar oleh para guru. Para guru perlu memahami subjek yang akan diajar oleh mereka dan melakukan apa sahaja cara untuk memastikan PDPC mereka berjalan dengan lancar. Guru perlu memastikan kelas mereka menarik dan mereka perlu memikirkan pelbagai idea untuk menarik perhatian pelajar. Akhir sekali, pelajar yang kurang motivasi juga merupakan satu cabaran dan isu yang para guru alami sewaktu menguruskan bilik darjah. Suasana kelas yang suram dan gelap akan membuatkan pelajar berasa mengantuk dan tidak bermaya untuk belajar. Oleh itu, guru boleh menarik perhatian pelajar dengan menyuruh mereka mengemas kelas selama 5 minit seperti membuang sampah ke dalam tong sampah, membuka tingkap dan menyapu lantai sebelum kelas bermula dan juga sebelum pulang ke rumah. Dengan cara ini dapat membuatkan murid- murid menjadi lebih cergas untuk belajar.

### **4. Isu pelaksanaan kurikulum KSSR/KSSM dari aspek;**

#### **• Kompetensi Guru**

Kompetensi guru ialah pernyataan kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh guru dan pernyataan aspek yang patut disediakan serta dilaksanakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan (kerperluan). Terdapat dua komponen bagi standard guru Malaysia iaitu standard dan keperluan. Antara standard yang dinyatakan adalah amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran P&P manakala keperluan pula adalah kelayakan masuk program latihan perguruan, latihan, pentaksiran dan penilaian, kolaborasi, infrastruktur & infostruktur dan jaminan kualiti. Antara isu berkaitan kompetensi guru yang wujud dalam dalam pelaksanaan kurikulum iaitu kurang kemahiran atau kompetensi untuk mengawal kelas. Menurut standard tiga dalam Standard Guru Malaysia guru mestilah mempunyai kemahiran mengurus bilik darjah iaitu melibatkan pengurusan hubungan kemanusiaan, masa, ruang dan sumber untuk mencapai pembelajaran yang bermakna dan berkesan.

Selain itu, wujud isu guru mengajar bukan opsyen. Ada di antara guru mengajar bidang yang berbeza dari kelulusan yang diperolehi. Akhirnya, isu kurang kemahiran dalam KBAT/PAK 21 yang menyebabkan Standard Guru Malaysia tidak dapat dicapai. Untuk menjadi guru yang efektif dan mencapai standard guru Malaysia yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

#### **• Infrastruktur dan Infostruktur**

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, infrastruktur ialah kemudahan atau prasarana yang digunakan untuk membangunkan sesuatu masyarakat. Melalui temubual bersama Puan Wong, isu yang timbul dari segi infrastruktur dalam pelaksanaan kurikulum KSSM ialah kekurangan peralatan. Sebagai contoh, bagi subjek pendidikan

jasmani dan kesihatan(PJK), kekurangan alatan permainan seperti bola tampar, bola keranjang, kon, tali skipping dan bermacam lagi merupakan isu yang dihadapi oleh pihak sekolah dari segi infrastruktur. Selain itu, kekurangan peralatan bagi subjek reka bentuk dan teknologi juga merupakan satu masalah kerana murid murid tidak dapat menyiapkan tugas mereka dengan pantas kerana perlu berkongsi peralatan.

Infostruktur ialah sebagai tulang belakang untuk memberikan perkhidmatan berkaitan ICT kepada warga sekolah terutamanya dari segi Infrastruktur ICT dan Sistem Maklumat. Sebagai contoh infostruktur dalam sekolah adalah APDM eKehadiran bagi merekod kehadiran pelajar ke sekolah. Sistem ini digunakan oleh guru bagi memudahkan penyusunan dan penyimpanan data kehadiran pelajar ke sekolah.

- **Kewangan dan Polisi KPM**

Isu-isu berkaitan kewangan timbul selari dengan pelaksanaan kurikulum KSSR/KSSM. Antaranya ialah kekangan dana membeli alatan sukan dan RBT bagi melengkapkan proses Pembelajaran dan Pengajaran (P&P). Sesetengah sekolah and guru-guru terutama di kawasan pedalaman terpaksa mengeluarkan dana sendiri bagi membeli alatan bantuan yang diperlukan oleh pelajar. Selain itu, kekurangan kelengkapan kelas contohnya bagi menjalankan '*listening assessment*' menyebabkan guru tidak dapat memenuhi KSSM/KSSR yang terkini yang telah ditetapkan oleh KPM.

Dari sudut polisi KPM, cabaran utama bagi pihak guru adalah beradaptasi dengan format dan pindaan baru. Guru memerlukan masa bagi memahirkan diri dengan kandungan kurikulum KSSM. Justeru itu, antara solusi yang boleh di ambil oleh pihak guru ialah:

- Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC).
- Merujuk kepada penanda aras yang telah ditetapkan oleh KPM supaya rancangan pengajaran adalah mengikut silibus yang betul.
- Kaedah '*coaching and mentoring*' dengan menghadiri kursus-kursus pelaksanaan KSSM/KSSR yang kebiasaannya dianjurkan oleh pihak KPM sendiri.

5. Refleksi

Nama : Anith Raudhah Binti Abd Aziz (A20HP0028)

Kursus : SHPP 1022-01

Tarikh : 13 Januari 2021

Masa : 9:46 p.m.

<p>Saya telah mempelajari.....</p> <p><b>Memerihalkan pengalaman yang telah dipelajari dari segi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pengetahuan</b></li> <li>• <b>Kemahiran</b></li> <li>• <b>Nilai</b></li> <li>• <b>Motivasi</b></li> </ul>	<p><b>Pengetahuan:</b></p> <p>Menambah pengetahuan berkaitan aturcara dan pelaksanaan kurikulum terkini dan pendedahan menyeluruh berkaitan isu semasa melibatkan pelajar dan keadaan sebenar di dalam bilik darjah, contohnya cabaran moral pelajar masa kini.</p> <p><b>Kemahiran:</b></p> <p>Temubual ini menambah kemahiran saya tentang cara berurusan secara formal dengan individu berpangkat tinggi. Contohnya, bagaimana cara menyapa, menghubungi dan memohon untuk temubual.</p> <p><b>Nilai:</b></p> <p>Temubual ini membuka mata saya mengenai nilai keguruan yang penting terutama sudut peningkatan diri untuk menjadi lebih baik.</p> <p><b>Motivasi:</b></p> <p>Informasi yang disampaikan memotivasikan saya supaya bersedia menghadapi cabaran ketika tiba masa saya menjadi guru kelak kerana semakin hari, pelaksanaan KSSM dan KSSR serta moral pelajar semakin mencabar jati diri pendidik.</p>
<p><b>Senaraikan tiga perkara yang paling penting yang anda telah pelajari</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pentingnya memahami gaya pembelajaran pelajar supaya dapat mengemudi bilik darjah dengan baik.</li> <li>2. Guru perlu sentiasa kemas kini diri dengan maklumat dan trend terkini.</li> <li>3. Bagi setiap perkara yang berlaku di sekolah, ada saluran yang betul bagi mencari solusi.</li> </ol>
<p><b>Aspek manakah yang akan anda rangkumi dalam latihan anda sendiri berdasarkan pengalaman belajar anda</b></p>	<p>Aspek peningkatan diri sebagai guru. Saya percaya sebagai seorang pendidik, saya perlu sentiasa menambah ilmu pengetahuan formal dan tidak formal. Sebagai contoh, bagaimana menjadikan sesi pembelajaran itu dapat menarik fokus pelajar, ataupun memahami gaya pelajar kerana setiap pelajar itu adalah berbeza dari pelbagai aspek yang perlu di ambil berat oleh seorang guru. Guru juga perlu 'up-to-date' seiring dengan pelajar supaya dapat berkongsi idea-idea bersama pelajar semasa sesi P&amp;P dan tidak ketinggalan.</p>

<p><b>Saya telah mempelajari.....Memerihkan pengalaman</b></p> <p><b>yang telah dipelajari dari segi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Pengetahuan</b></li> <li>● <b>Kemahiran</b></li> <li>● <b>Nilai</b></li> <li>● <b>Motivasi</b></li> </ul>	<p><b>PENGETAHUAN</b>Saya dapat menambah pengetahuan mengenai masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah dan para guru dalam menguruskan bilik darjah. Saya juga belajar bagaimana cara para guru menyelesaikan cabaran dan isu yang dihadapi oleh mereka dalam menguruskan disiplin para pelajar di dalam bilik darjah.</p> <p><b>KEMAHIRAN</b></p> <p>Temubual ini menambah kemahiran saya mengenai cara berkomunikasi terutamanya apabila menjadi seorang guru. Saya dapat melihat bagaimana cara komunikasi dapat membantu seseorang menjadi guru yang lebih bagus.</p> <p><b>NILAI</b></p> <p>Nilai yang saya perolehi daripada temubual ini ialah nilai hormat menghormati antara satu sama lain. Hal ini kerana dalam melakukan sesuatu pekerjaan kita perlulah sentiasa menghormati perasaan dan pandangan orang lain agar boleh bekerjasama dengan lebih baik.</p> <p><b>MOTIVASI</b></p> <p>Temubual ini memotivasikan diri saya untuk menerima segala cabaran yang bakal saya hadapi apabila menjadi seorang guru kelak.</p>
<p><b>Senaraikan tiga perkara yang paling penting yang anda telah pelajari</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Cara untuk menarik perhatian pelajar agar sentiasa fokus dan bersemangat untuk belajar.</li> <li>2. Sentiasa berusaha menambah ilmu untuk memberikan yang terbaik kepada para pelajar.</li> <li>3. Guru perlu tahu cara- cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan profesional.</li> </ol>
<p><b>Aspek manakah yang akan anda rangkumi dalam latihan anda sendiri berdasarkan pengalaman belajar anda</b></p>	<p>Aspek yang akan saya rangkumi dalam latihan saya sendiri ialah berusaha untuk menjadi seorang guru yang sentiasa menambah ilmu pengetahuannya. Sebagai contoh, saya akan sentiasa menambah ilmu untuk diaplikasikan dan diajar kepada para pelajar saya. Saya juga perlu sentiasa mengambil tahu mengenai isu-isu yang pada masa kini kerana pelajar pada zaman ini bertindak lebih pantas dan saya perlu sentiasa bersedia dengan ilmu yang banyak agar dapat dikongsikan bersama pelajar. Dan sebagai seorang guru pada abad ke 21 ini, saya perlulah sentiasa berfikir di luar kotak dan tidak hanya bergantung kepada ilmu yang ada di dalam buku sahaja.</p>

<p><b>Saya telah mempelajari.....</b></p> <p><b>Memerihalkan pengalaman yang telah dipelajari dari segi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Pengetahuan</b></li> <li>● <b>Kemahiran</b></li> <li>● <b>Nilai</b></li> <li>● <b>Motivasi</b></li> </ul>	<p><b>Pengetahuan:</b> Mempelajari standard guru yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan masalah yang wujud bagi warga pendidik dalam sistem pendidikan pada masa kini. Puan Wong Cheui Keen juga memberi saya pandangan bagaimana guru-guru cuba untuk menyelesaikan masalah yang wujud khususnya dalam bilik darjah dan karakter pelajar yang pelbagai yang semestinya sedikit mencabar untuk mencari jalan penyelesaian yang berkesan.</p> <p><b>Kemahiran:</b> Melalui temubual yang dilakukan, saya mempelajari untuk memantapkan lagi kemahiran berkomunikasi. Sebagai bakal guru kemahiran berkomunikasi adalah sangat penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran agar maklumat atau ilmu yang disampaikan dapat diterima baik oleh murid.</p> <p><b>Nilai:</b> Nilai yang diperolehi daripada pengalaman ini adalah nilai kerjasama dalam sesebuah organisasi dalam memberi pendapat untuk menyelesaikan masalah yang wujud di bilik darjah. Sebagai seorang guru juga nilai bertanggungjawab itu juga penting dalam memastikan matlamat yang ditetapkan dalam falsafah pendidikan kebangsaan dapat dicapai.</p> <p><b>Motivasi:</b> Temubual ini memotivasikan diri saya untuk sentiasa bersedia dalam menghadapi cabaran samada di dalam bilik darjah mahupun perubahan dalam sistem pendidikan dan tugas sebagai seorang pendidik bukanlah tugas yang mudah.</p>
<p><b>Senaraikan tiga perkara yang paling penting yang anda telah pelajari</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya telah mempelajari bahawa tugas dan amanah seorang guru adalah sangat besar dalam membentuk anak bangsa pada hari ini.</li> <li>2. Saya pelajari yang seorang guru hendaklah sentiasa mengasah bakat yang sedia ada.</li> <li>3. Guru perlu memahami akan karakter pelajar serta trend pembelajaran pada masa kini.</li> </ol>
<p><b>Aspek manakah yang akan anda rangkumi dalam latihan anda sendiri berdasarkan pengalaman belajar anda</b></p>	<p>Berdasarkan pengalaman belajar saya aspek yang akan saya rangkumi adalah aspek pembelajaran secara berterusan. Bukan sahaja melalui buku, kursus dan seminar yang disertai malahan pembelajaran itu juga dapat diperolehi daripada pelajar itu sendiri. Ini adalah kerana, pembelajaran pada masa kini lebih bersifat lebih meluas dan seharusnya berfikir secara luar kotak agar ilmu itu boleh diaplikasikan secara meluas.</p>

<p>Saya telah mempelajari.....</p> <p><b>Memerihalkan pengalaman yang telah dipelajari dari segi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Pengetahuan</b></li> <li>● <b>Kemahiran</b></li> <li>● <b>Nilai</b></li> <li>● <b>Motivasi</b></li> </ul>	<p><b><u>Pengetahuan</u></b></p> <p>Berdasarkan temuduga bersama Puan Wong Chee Keen, Saya telah didedahkan tentang banyak pengetahuan yang berkaitan dengan kurikulum dan hal ehwal di sekolah pada masa kini. Pelbagai masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah dan guru-guru dalam menjadikan sekolah sebagai tempat belajar yang kondusif. Oleh itu, Puan Wong telah berkongsi tentang bagaimana untuk mengatasi masalah tersebut supaya hasrat utama sekolah dapat dicapai.</p> <p><b><u>Kemahiran</u></b></p> <p>Melalui temubual bersama Puan Wong, saya dapat memperkasakan kemahiran dalam diri saya untuk berkomunikasi dengan guru-guru. Ini dapat membuahkan semangat dalam diri untuk nekad menuntut ilmu dan pengalaman dengan para pendidik. Saya juga dapat memberikan idea dan pendapat tentang komplikasi yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah.</p> <p><b><u>Nilai</u></b></p> <p>Banyak nilai murni yang dapat diperolehi melalui temubual ini terutamanya nilai untuk menambah ilmu pengetahuan tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Ini dapat menjadikan saya seorang insan yang rasional terhadap sesuatu perkara supaya dapat berfikiran lebih jauh dan terbuka mengenai masalah yang dihadapi.</p> <p><b><u>Motivasi</u></b></p> <p>Temubual ini telah banyak memberi inspirasi kepada saya untuk menjadi seorang insan yang bertauliah dan sentiasa berfikiran terbuka untuk menghadapi cabaran-cabaran yang kebiasaan dihadapi oleh para guru. Ia juga dapat dijadikan sumber motivasi kepada diri saya untuk menerapkan sifat-sifat yang positif dalam diri dan bersesuaian dengan objektif pendidikan negara.</p>
<p><b>Senaraikan tiga perkara yang paling penting yang anda telah pelajari</b></p>	<p>1- Masalah-masalah di sekolah perlulah diatasi dengan baik supaya dapat menjadikan sekolah sebagai tempat yang kondusif untuk pelajar dan guru.</p> <p>2- Para guru dan sekolah memainkan peranan yang sangat penting untuk membentuk kecemerlangan sekolah dan pelajar yang terbaik</p> <p>3- Sifat-sifat yang terpuji perlulah diterapkan dalam diri guru-guru supaya dapat membentuk para pendidik yang berkaliber dan profesional</p>
<p><b>Aspek manakah yang akan anda rangkumi dalam</b></p>	<p>Berdasarkan pengalaman belajar saya, aspek yang paling penting untuk dikukuhkan dalam diri saya adalah <b>aspek profesionalisme</b></p>

<b>latihan anda sendiri berdasarkan pengalaman belajar anda</b>	dalam diri. Pada pendapat saya, menjadi seorang pendidik yang profesional amatlah penting untuk diterapkan dalam diri. Nilai versatil dan rasional menjadi perkara yang sangat relevan dengan pendidikan masa kini. Dengan nilai ini, ia dapat membantu saya untuk menghadapi cabaran-cabaran dengan fikiran terbuka.
---	---

<p>Saya telah mempelajari.....<i>Memerihkan pengalaman</i></p> <p><i>yang telah dipelajari</i></p> <p><i>dari segi:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Pengetahuan</i></li> <li>• <i>Kemahiran</i></li> <li>• <i>Nilai</i></li> <li>• <i>Motivasi</i></li> </ul>	<p><b>Pengetahuan</b></p> <p>Mengetahui bahawa elemen seperti VUCA telah diintegrasikan di dalam pelajaran terkini bagi memastikan pelajar-pelajar bersedia untuk berhadapan dengan cabaran dunia baharu iaitu Industri Revolusi 4.0 atau IR4.0 yang bakal mengubah sosial demografi dan budaya di negara kita.</p> <p><b>Kemahiran</b></p> <p>Kemahiran yang telah saya dapat ialah kebolehan untuk berfikir dan berpandangan jauh terutamanya apabila untuk mengajar, mendidik dan modal insan yang selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan negara kita.</p> <p><b>Nilai</b></p> <p>Nilai yang saya pelajari daripada temu bual ini adalah nilai untuk meningkatkan diri saya untuk menjadi seorang berpengetahuan tinggi bukan sahaja kerana kareer, tetapi juga untuk diri saya sendiri.</p> <p><b>Motivasi</b></p> <p>Suntikan motivasi yang telah saya perolehi adalah untuk terus menyampaikan ilmu pengetahuan yang saya miliki dan mendidik bakal pelajar-pelajar moden saya dengan nilai-nilai dan kemahiran abad ke-21 yang selari dengan peredaran zaman mereka iaitu dunia digital.</p>
<p><b>Senaraikan tiga perkara yang paling penting yang anda telah pelajari</b></p>	<p><b>Antara tiga perkara yang paling penting yang anda telah pelajari ialah;</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Isu kewangan sekolah bagi memastikan menyediakan pendidikan yang efektif dan berkualiti kepada pelajar.</li> <li>2. Trend karakter para pelajar yang semakin ke hadapan dimana pentingnya untuk mengintegrasikan teknologi bagi membantu meningkatkan hasil pembelajaran dan prestasi pelajar.</li> <li>3. Kompetensi guru yang cekap dan mempunyai kemahiran tinggi dalam mengurus bilik darjah serta menyampaikan maklumat di dalam kelas.</li> </ol>
<p><b>Aspek manakah yang akan anda rangkumi dalam latihan anda sendiri berdasarkan pengalaman belajar anda</b></p>	<p>Aspek profesionalisme dalam keguruan. Hal ini penting kerana saya bakal dan akan memainkan peranan penting di dalam kelas bagi membantu anak-anak didik daya untuk berjaya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh itu, saya mestilah memunihi aspirasi sebagai guru yang efektif dan profesional dalam menjalankan amanah yang telah diberikan.</p>

## 6. Kesimpulan

Kesimpulannya untuk menjadi seorang guru yang profesional tidaklah mengambil masa satu malam sahaja. Perkembangan kerjaya juga tidak akan berlaku dalam masa yang singkat. Oleh yang demikian, adalah mustahak untuk setiap individu yang bergelar guru untuk sentiasa mempertingkatkan kecekapan, kebolehan prestasi dan keterampilan diri dan sentiasa memberi yang terbaik ketika berkhidmat di sekolah untuk membuka peluang mereka menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan sekolah dan juga bagi menyumbang kepada perkembangan kerjaya mereka sendiri. Dalam pada itu, melalui temubual bersama Puan Wong Cheui Keen, banyak maklumat yang telah diperolehi mengenai “Guru Efektif dan Profesional” berdasarkan rangka soalan yang disediakan. Antaranya ialah trend karakter pelajar dalam sistem arus perdana pada masa kini, kaedah mewujudkan iklim pembelajaran efektif dalam bilik darjah, cabaran dan isu dalam pengurusan disiplin bilik darjah dimana ia meliputi tiga aspek penting iaitu *Kompetensi Guru, Infrastruktur dan infostruktur, Kewangan dan Polisi KPM*). Semoga ilmu yang dikongsikan oleh Puan Wong Cheui Keen akan dapat kami praktikkan bagi meningkatkan profesionalisma kami sebagai pendidik anak bangsa.

## 7. Rujukan dan Lampiran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 UTM Skudai,  
Johor.

---

Guru Penolong Kanan,  
SMK Infant Jesus Convent Johor Bahru  
Jalan Yahya Awal, Bandar Johor Bahru,  
8000 Johor Bahru,  
Johor.

24 Disember 2020

Tuan/Puan,

### **PEMOHONAN TEMUBUAL UNTUK LAPORAN GURU EFEKTIF DAN PROFESIONAL**

Merujuk kepadaperkara di atas, kami adalah pelajar dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia di bawah program Sarjana Muda Pendidikan (Mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) dengan kepujian momohon untuk menemubual Tuan/Puan tentang '**Guru Efektif dan Profesional**'.


2. Tujuan kami menemubual tuan adalah untuk menyempunakan laporan lengkap bagi kursus Teacher Professionalism (SHPP1022). Tarikh dan masa tertakhluk kepada masa lapang tuan melalui platform Google Meet.
3. Bersama surat ini juga kami sertakan surat lampiran draf beberapa soalan yang kami ingin ajukan semamsa menumubual tuan/puan.
4. Kami amat berharap agar pihak tuan/puan dapat memberikan segala maklumat yang kami perlukan untuk menyempurnakan laporan kami, dan atas segala kerjasama dari pihak tuan/puan kami ucapkan jutaan terima kasih.

Sekian Terima Kasih,  
Yang Benar,

.....  
(Mohamad Haikal Bin Sadri)

Pelajar Tahun 1  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia,

Surat kebenaran untuk melakukan sesi menemubual bersama GPK SMK Infant Jesus Convent  
Johor Bahru



Temubual dijalankan melalui *video-call* melalui aplikasi WhatsApp pada 3 Januari 2021